

NO. SOALAN: 18

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG @ TIAN CHUA
[BATU]**

TARIKH : 11 JUN 2014

RUJUKAN : 6843

SOALAN:

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membanteras aktiviti judi *cybercafe* di Kuala Lumpur dan khususnya di Parlimen Batu. Adakah pihak Kerajaan pernah menjalankan operasi membanteras aktiviti judi di Parlimen Batu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak polis sentiasa memantau dan menjalankan operasi secara terancang dan berterusan dalam menangani masalah ini. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM terutamanya Cawangan D7 iaitu Bahagian Pencegahan Maksiat, Perjudian dan Kongsi Gelap untuk membanteras kegiatan perjudian haram yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket. Antara langkah-langkah yang dijalankan ialah:-

- i. Mengenalpasti individu dan sindiket-sindiket yang terlibat dalam kegiatan perjudian *Cyber Cafe* dan menuduh mereka di bawah undang-undang yang berkaitan.**
- ii. Mengadakan operasi-operasi semasa ke atas tempat-tempat yang telah dikenalpasti menjalankan *Cyber Cafe* sebagai tempat perjudian.**
- iii. Mempertingkatkan kerjasama dengan pihak majlis berkuasa tempatan dalam menguatkuasakan Enakmen tempat-tempat hiburan negeri-negeri.**

Statistik sebulan dan tangkapan yang dibuat terhadap *Cyber Cafe* yang menjalankan aktiviti perjudian secara *online* bagi Parlimen Batu bagi tahun 2013 dan 2014 seperti berikut:-

**STATISTIK PEMBENTERASAN AKTIVITI MESIN PERJUDIAN BERKOMPUTER
PARLIMEN BATU DALAM TEMPOH (JAN – DIS) 2013**

TAHUN	SERBUAN	TANGKAPAN	RAMPASAN	RAMPASAN WANG (RM)
2013(JAN – DIS)	2179	378	2055	RM 13,389.00

**STATISTIK PEMBENTERASAN AKTIVITI MESIN PERJUDIAN BERKOMPUTER
PARLIMEN BATU DALAM TEMPOH 2014 (JAN-APRIL).**

TAHUN	SERBUAN	TANGKAPAN	RAMPASAN	RAMPASAN WANG (RM)
2014 (JAN-APRIL)	779	183	189	RM 9,632.00